



SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

SIARAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN EKPLORASI JELAPANG PADI SEMPERA PROGRAM JALINAN WARISAN KEBANGSAAN DAN UNESCO(JIWAKU)2025 KAMPUNG MATANG KENANGA, JERLUN, KEDAH

Eksplorasi Jelapang Padi sempena Program Jelajah Warisan dan UNESCO Tahun 2025 berjaya menghimpunkan lebih 465 pelajar dan staf daripada 12 politeknik seluruh negara di Kampung Matang Kenanga, Jerlun, Kedah. Program ini mendapat kerjasama erat daripada Pejabat Daerah Kubang Pasu, Majlis Komuniti Kampung Matang Kenanga serta Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya Negeri Kedah (AKRAB).

Program yang berteraskan penghayatan budaya bendang ini bukan sahaja memperkenalkan keunikan tradisi masyarakat Kedah, tetapi turut menjadi platform memperkukuhkan jaringan kerjasama antara institusi pendidikan dan komuniti setempat.

Penyertaan Meluas

Antara Politeknik yang terlibat termasuk Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Politeknik Muadzam Shah (PMS), Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN), Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Politeknik Mersing (PMJ), Politeknik Metro Kuantan (PMKU), Politeknik Seberang Perai (PSP), Politeknik Kuching Sarawak (PKS), Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) serta tuan rumah Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS).

Secara keseluruhannya, seramai **465 peserta, 105 staf pengiring, 30 AJK pelajar, 80 staf POLIMAS, 200 wakil komuniti Kampung Matang Kenanga serta 50 kakitangan Pejabat Daerah Kubang Pasu** menjayakan program ini.

Aktiviti Bendang Tradisional

Program bermula dengan sarapan pagi di Tamteh Homestay sebelum peserta dibawa mengikuti sesi taklimat dan menyertai aktiviti utama iaitu **“D’ Bendang Challenge”**. Aktiviti akan bermula mulai jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang pada 7 Oktober 2025 di Kampung Matang Kenanga, Jerlun, Kedah.

Cabaran ini mengetengahkan pelbagai permainan rakyat dan aktiviti tradisi yang menjadi identiti masyarakat Kedah seperti:

- Teka Loghat Kedah
- Mai Rasa (makanan tradisi)
- Balut Ketupat Palas
- Lontar Peluru Nyog
- Sepak Bola Bendang
- Lari Beremba 50m
- Serkap Ikan Sampai Boleh
- Pukul Bantal

Suasana penuh keceriaan dan gelak tawa peserta mewarnai sawah padi apabila mereka bersama komuniti setempat berganding bahu menjayakan pertandingan.

Jalanan Komuniti & Pendidikan

Menurut penganjur, program ini menjadi wadah untuk mengukuhkan hubungan pelajar dengan komuniti desa, selain memperkenalkan nilai budaya tempatan kepada generasi muda dari seluruh Malaysia.

Majlis turut diakhiri dengan **penyampaian hadiah** kepada pemenang oleh YBhg. Dato' Muhamad Mahazi Haji Ibrahim, Pegawai Daerah Kubang Pasu, Kedah bagi aktiviti **D' Bendang Challenge** sebelum para peserta dijamu dengan hidangan tengah hari secara santai bersama komuniti.

Eksplorasi Jelapang Padi sempena Program Jelajah Warisan dan UNESCO Tahun 2025 bukan sahaja menjadi platform untuk memperkasa jaringan komuniti, malah turut menyemarakkan semangat cintakan budaya warisan dalam kalangan generasi muda.

Sehubungan dengan itu pihak POLIMAS dengan berbesar hati menjemput semua rakan media untuk membuat liputan bagi program yang akan diadakan ini. Bersama-sama ini dikemukakan aturcara program tersebut untuk maakluman pihak tuan/puan.

Sebarang maklumat lanjut mengenai program ini pihak tuan/puan boleh menghubungi **Pengarah Program Jelajah Warisan & UNESCO, Noor Hazalina Abdullah** ditalian **019-6011983** atau **Ketua Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat, Ruslinda Karya** ditalian **014-3407441**.

Sekian, terima kasih.

SHAHRIK ANNUAR BIN AHMAD

Pegawai Perhubungan Awam,

b.p. Pengarah

Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah

Tel: 04-9146100

Fax: 04-9174232

Email: shahrilannuar@polimas.edu.my

Tarikh: 30 September 2025

ATUR CARA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
EKSPLORASI JELAPANG PADI
SEMPENA PROGRAM JALINAN WARISAN KEBANGSAAN DAN UNESCO
(JIWAKU) 2025
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

TARIKH : 7 OKTOBER 2025 (SELASA)
MASA : 11.00 PG – 1.00 TGH
TEMPAT : KG. MATANG KENANGA, JERLUN KEDAH

MASA	ACARA
11.45 tgh	: Ketibaan tetamu jemputan
12.00 tgh	: Ketibaan VVIP
12.05 tgh	: Aluan Pengacara Majlis
12.10 tgh	: Bacaan Doa
12.15 tgh	: Ucapan Aluan YBrs. Dr Mhd. Azmin Bin Mat Seman Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
12.20 tgh	: Ucapan Perasmian oleh YBhg. Dato' Muhamad Mahazi Bin Haji Ibrahim Pegawai Daerah Kubang Pasu Pejabat Daerah dan Tanah Kubang Pasu
12.25 tgh	: Penyampaian Hadiah - Finisher Medal kepada peserta JIWAKU 2025 - Pemenang acara sukan D' Bendang Challenge
12.50 tgh	: Penyampaian Cenderahati VVIP -
12.55 tgh	: Penutup
1.00 tgh	: Sesi Fotografi Bersama VVIP
1.10 tgh	: Jamuan makan
2.00 ptg	: Bersurai